

NO.SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

TARIKH JAWAPAN : 1 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN

Datin Mastura Binti Mohd Yazid minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula tarif elektrik yang dikenakan kepada pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tarif elektrik bagi pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung adalah ditentukan berdasarkan kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif atau *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, yang telah dimulakan pada tahun 2014 sebagai tahun percubaan. Di bawah mekanisme ini, tarif asas TNB disemak setiap 3 tahun manakala sebarang perubahan dalam kos penjanaan dan kos bahan api akan diselaraskan setiap 6 bulan. Bagi tempoh 2015 hingga 2017 kadar tarif asas ditetapkan sebanyak 38.53 sen/kWj.
2. Bagi tempoh regulatori kedua iaitu 2018 hingga 2020, Kerajaan menerusi Suruhanjaya Tenaga sedang meneliti permohonan TNB untuk menyemak semula kadar tarif asas dengan mengambil kira perubahan harga bahan api utama, kos operasi TNB, kos pembangunan infrastruktur bekalan elektrik di Semenanjung dan kadar keuntungan yang dibenarkan kepada TNB. Mekanisme

pelarasan tarif yang telus ini diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan kemampanan industri bekalan elektrik di Semenanjung agar TNB dapat memberikan perkhidmatan bekalan elektrik yang berkualiti kepada pelanggan.

Sekian, terima kasih
